



Karya Merdeka
Travel & Tours Sdn Bhd
凯雅旅游有限公司
1048973-U KPK/LN/7526

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

**TOUR CODE:
CTA04-MHD7**

5H4M/6H4M

TAIPEI + ALISHAN + SUN MOON LAKE



**SUN MOON LAKE ADALAH TASIK TERBESAR DI TAIWAN
DAN TERKENAL DENGAN PEMANDANGAN YANG
SANGAT CANTIK.**

5H4M

TAIPEI + ALISHAN + SUN MOON LAKE

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE:
CTA04-MHD7

HARI 01 KUALA LUMPUR - TAIPEI -
TAICHUNG - CHIAYI **MM**

Berkumpul di terminal KLIA1 untuk menaiki penerbangan ke **Taipei**.

Lawatan di **Taichung**:

- **Gaomei Wetlands**: Masa bebas untuk bersiar-siar, berfoto dan menikmati pemandangan matahari terbenam di **Gaomei Wetlands**. Ditambah lagi dengan barisan kincir angin sepanjang kawasan ini menjadikan pemandangan ini adalah spot yang terbaik untuk foto Instagram dan penuh dengan ketenangan.

Bermalam di **Chiayi**.

HARI 02 CHIAYI -
ALISHAN **SP/MT/MM**

Lawatan di **Alishan**:

- **Alishan National Scenic Area**: Melarikan diri ke kawasan hutan yang mengasyikkan dengan gunung-ganang diselimiuti oleh awan, sambil menaiki keretapi lama yang masih digunakan semenjak zaman pemerintahan Jepun. Juga berpeluang bergambar di pohon Sacred Tree berumur lebih dari 3,000 tahun.
- **Chukou Visitor Centre**: Berehat sebentar untuk solat dan menikmati keindahan pokok berwarna merah jambu dan ungu sambil menghirup kopi dengan sedikit bayaran tambahan.
- **Tea Experience**: Menimba pengalaman merasai teh tradisi buatan orang Taiwan yang diwarisi zaman-berzaman.

Bermalam di **Chiayi**.

HARI 03 CHIAYI - NANTOU -
TAIPEI **SP/MT/MM**

Lawatan di **Nantou**:

- **Xiangshang Visitor Centre**: Bangunan yang direka bentuk seperti lengan manusia yang memeluk bumi. Di samping itu, peserta boleh menikmati dan mengambil foto pemandangan indah Sun Moon Lake.
- **Sun Moon Lake**: Menikmati keindahan dengan menaiki bot persiaran melihat keindahan tasik semulajadi yang dikelilingi pergunungan hutan hijau yang berbentuk bulan di satu bahagian dan berbentuk matahari. Satu pengalaman yang menakjubkan untuk berfoto bersama teman.
- **Ximending Night Market**: Pasar Malam Ximending adalah kawasan pejalan kaki yang meriah dan sibuk terletak di Daerah Wanhua, Taipei, Taiwan. Kawasan ini terkenal dengan suasana yang meriah, kedai-kedai yang trendi, dan pelbagai pilihan makanan.

Bermalam di **Taipei**.

HARI 04 TAIPEI -
YELIU **SP/MT/MM**

Lawatan di **Taipei**:

- **Yeliu Geo Park**: Yehliu Geopark adalah taman geologi yang menakjubkan terletak di Daerah Wanli, New Taipei, Taiwan. Formasi batu ikonik ini menyerupai profil kepala seorang ratu dan merupakan salah satu mercu tanda paling terkenal di Taiwan.
- **Jiufen**: Pada asalnya sebuah bandar perlombongan emas semasa era Jepun, Jiufen telah berubah menjadi destinasi pelancongan yang popular. Jalan-jalan di Jiufen dihiasi dengan tanglung merah, mewujudkan suasana ajaib terutama pada waktu malam. Ia juga berinspirasi seni bina Jepun seperti kedai cenderamata, kedai makanan ringan tradisi dan juga mengambil gambar di viewpoint laut.
- **Taipei Grand Mosque**: Masjid Besar Taipei adalah masjid terbesar dan tertua di Taiwan, terletak di Daerah Da'an, Taipei City. Ia berfungsi sebagai tempat ibadah yang penting bagi komuniti Muslim di Taiwan dan boleh menampung sehingga 1,000 jemaah.
- **Jewelry and Creative Arts Center**: memaparkan pelbagai jenis ukiran yang unik dari pelbagai jenis sumber seperti batu jod, kristal dan juga kayu.

Bermalam di **Taipei**.

HARI 05 TAIPEI -
KUALA LUMPUR **SP**

Lawatan di **Taipei**:

- **Shilin Residence Garden**: Taman Kediaman Shilin, juga dikenali sebagai Taman Kediaman Chiang Kai-shek Shilin. Taman ini terkenal dengan persekitaran yang tenang, pelbagai spesies tumbuhan, dan struktur bersejarah yang terpelihara dengan baik.
- **Chiang Kai Shek Memorial Park**: Taman Memorial Chiang Kai-shek adalah monumen nasional yang penting dan tarikan pelancong yang terletak di Taipei, Taiwan. Ia dibina pada tahun 1980 untuk memperingati Chiang Kai-shek, bekas Presiden Republik Taiwan.
- **DIY Pineapple Cake**: Peserta boleh menyertai bengkel praktikal di mana anda belajar membuat kek nanas tradisional Taiwan.

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

PERTUKARAN MATA WANG



NEW DOLLAR TAIWAN
NT\$ 1 = RM 0.13



PERBEZAAN WAKTU

Taiwan: GMT+8 Malaysia: GMT+8



Musim Panas:

Jun - Ogos



Musim Luruh:

Sept - November



Musim Sejuk:

Disember - Feb



Musim Bunga:

Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.



ALISHAN NATIONAL PARK

Menaiki kereta api klasik untuk melihat kawasan hutan yang mengasyikkan dengan gunung-ganang diselimuti oleh awan.

2.



SUN MOON LAKE

Merasai pengalaman menaiki bot persiaran melihat keindahan tasik semulajadi yang dikelilingi pergunungan hutan hijau yang berbentuk bulan di satu bahagian dan matahari.

3.



JIUFEN OLD STREET

Seni bina Jepun yang menjual pelbagai barangan seperti kedai cenderamata, kedai makanan ringan tradisi dan juga bergambar di viewpoint laut.

4.



YEHLIU GEO PARK

Terkenal dengan tarikan formasi batuan yang cantik seakan sarang madu lebah dan cendawan.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Chiayi	2 Mlm
Taipei	2 Mlm

Jadual Penerbangan

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 366	KUL - TPE	0915	1410
5	MH 367	TPE - KUL	1510	2000

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	D7 378	KUL - TPE	0915	1410
6	D7 379	TPE - KUL	0005	0450

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Alishan National Scenic Area dan Yehliu Geopark.
- Pengangkutan bot di Sun Moon Lake.
- Pengangkutan keretapi di Alishan National Scenic Area.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- **Compulsory Shopping Stop:** DIY Pineapple Cake, Jewelry, Tea.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.